Bahasa Melayu Kedah

Bahasa Melayu Kedah merupakan sebuah bahasa Austronesia dan salah satu Varian Bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat Malaysia di Negeri Kedah, Pulau Pinang, utara Perak, dan Perlis. Bahasa Melayu Kedah juga dipertuturkan di Wilayah Selatan Thailand iaitu Satun.

Penduduk di Trang, Thailand juga menuturkan bahasa Melayu Kedah dengan pengaruh bahasa Thailand [1] (http://books.google.co.uk/books?lr=&q=%22as+they+often+do%2C+their+dialect+is%22&btnG=Search+Books) Penutur dialek Melayu ini keseluruhannya dianggarkan lebih 4 juta (sekitar 3,1 juta penutur bahasa ibunda dan selebihnya digunakan sebagai bahasa kedua). Selain negari-negari tersebut, bahasa ini juga dituturkan di selatan Myanmar dan sebuah tempat di utara Sumatera. Masyarakat setempat merujuk kepada Bahasa Melayu Kedah ini sebagai **loghat utara** (dialek Utara-oleh Malaysia) dan **pelat Kedah** (dialek Kedah di Negeri Kedah).

Bahasa Melayu Dialek Kedah juga boleh dibahagikan kepada beberapa subdialek yang diterdiri daripada Kedah Persisiran (standard), Bahasa Kedah Pattani ataupun Kedah Hulu iaitu di Baling, Kedah Utara, Perlis-Langkawi, Pulau Pinang dan lain-lain (Luar Malaysia).

Kosa kata dialek Kedah

Contoh Bahasa Melayu Kedah:

Bahasa Melayu Kedah
بهاس ملايو قدح

Chakap Kedāh/Pelet Kedāh/Pelet Utaghā

Asli di	Malaysia, Thailand, Myanmar, Indonesia
Wilayah	Kedah, Perlis, Pulau Pinang, utara Perak (Malaysia), Trang dan Satun (Thailand) juga Langkat, (Indonesia) serta Tanintharyi/Tanah Sari (Myanmar)
Etnik	Melayu Kedah
Penutur asli	4,000,000 (*tiada tarikh*)
Keluarga bahasa	Bahasa Austronesian ▪ Melayu-Polinesia (MP) ▪ MP Nuklear ▪ Sunda-Sulawesi ▪ Malayik ▪ Malaya ▪ Melayu Tempatan ▪ **Bahasa Melayu Kedah** بهاس ملايو قدح
Kod bahasa	
ISO 639-3	meo

Dialek Kedah (Subdialek Piawai)	Bahasa Melayu Piawai (Malaysia)
Hang	Kamu, Engkau
Cek	Saya, Aku
Dépā	Mereka
Hangpā	Kalian, Korang
Sépā (Hanya digunakan disesetengah tempat)	Kami
Pi	Pergi
Mai	Datang, Mari
Awat, *Pasepā*	Mengapa
Lā, Lāni	Sekarang
Sat	Sebentar, Sekejap
Mengkalā	Bila, Apabila
Ketegaq	Degil, Keras Kepala
Jom (digunakan secara meluas dalam Bahasa Melayu)	Ayuh, Mari
Kot (digunakan secara meluas dalam Bahasa Melayu)	Mungkin, Barangkali
Geghék	Basikal (juga digunakan oleh masyarakat di kawasan bandar)
Mertun	Tukul
Tenggalung	Baling
Habat	Panjat
Ligan	Kejar
Loq Laq	Tak senonoh
Ketit	Gigit kecil
Tokak	Gigit
Berlemuih	Comot
Cemuih	Bosan

Sumber

Bahasa Melayu Kedah (http://www.ethnologue.org/show_language.asp?code=meo) di Ethnologue

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Bahasa_Melayu_Kedah&oldid=4841033"

Laman ini kali terakhir disunting pada 15:50, 19 Jun 2020.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.